

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

## Pembaharuan ekonomi perlu terap idea luar biasa

**Kuala Lumpur:** Agenda pembaharuan ekonomi Malaysia hari ini berbeza, malah turut mengambil kira idea di luar kebiasaan susulan impak pandemik demi memastikan negara terus berupaya melangkah maju, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, cabaran besar bagi ekonomi Malaysia hari ini adalah kapasiti atau keupayaan menjana idea, produk, model perniagaan inovatif dan teknik pengeluaran baharu, selain memperluaskan secara menerusi ekonomi.

"Sejajar peranan sebagai pengubah dasar, kerajaan kini berdepan cabaran dari segi kekurangan yang ketara.

"Walaupun berjaya mencatat peningkatan dalam usaha mengurangkan jurang ketidaksamaan (kekayaan) sejak 30 tahun lalu, Malaysia belum mencecah tahap membolehkan kita dengan selesa mengukui isu itu berjaya ditangani secara berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Pendidikan Global dan Kolokium Pascasiswazah 2021 (GECPC 2021) secara maya yang dihoskan oleh Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) di sini, semalam.

Tengku Zafrul berkata, pengubah dasar turut menyedari segelintir rakyat Malaysia berdepan kesukaran keluar daripada kancan kemiskinan dan penggunaan teknologi serta penerapan digital dilihat wajar bagi membantu mereka terbahit.

"Selain itu, terdapat jurang serta isu dalam usaha penyampaian bantuan kepada kelompok tertentu masyarakat.

"Pandemik ini mendedahkan wujud beberapa jurang dalam usaha penyampaian perkhidmatan awam yang sebaliknya sedang giat untuk ditangani barisan kepimpinan sekarang.

"Terdapat ruang dari segi perubahan peranan yang dimainkan oleh dasar kerajaan, terutama dalam aspek penyediaan jaringan keselamatan sosial," katanya.

Katanya, biarpun gabungan dalam bentuk bantuan tunai langsung serta subsidi barangan keperluan harian seperti minyak masak dan tepung dapat memenuhi keperluan golongan memerlukan, masih banyak boleh dilakukan untuk menangani ketidaksamaan dan jurang keselamatan sosial dengan lebih berkesan.

Pada masa sama, beliau berkata, kalangan profesion berkaitan ekonomi juga perlu bertindak

menyesuaikan diri untuk memenuhi kegunaan dasar Malaysia, terutama selepas impak pandemik global seperti COVID-19 yang terbukti mencabar semua akademia ekonomi konvensional.

"Kita memerjukan pakar lebih daripada sebelum ini untuk bangkit membantu menangani kekurangan serta pelaksanaan preskripsi ekonomi yang tersasar ini.

"Berdasarkan semua data dan teknologi yang ada pada masa ini, kita sebaliknya masih ber-

gelut dengan jangkaan dan model unjuran seperti dilakukan 50 tahun lalu.

"Justeru, peranan pengetahuan ekonomi sewajarnya tidak dipersoalkan. Ujian terbesar terhadap ekonomi adalah untuk membantu menangani cabaran dihadapi pengubah dasar di mana sahaja pada masa ini, krisis berkembar kesihatan dan ekonomi yang buruk akibat pandemik COVID-19," katanya.

Tengku Zafrul berkata, secara asas, pengubah dasar di kebanyakan negara perlu menangani aspek pertumbuhan produktiviti, terutama dalam kelembapan ekonomi global yang berlaku serentak akibat pandemik.

Berkongsi perspektif Malaysia,

beliau berkata, sumbangan bermakna terhadap pertumbuhan produktiviti itu adalah daripada pengembangan modal yang dilihat sejak beberapa tahun lalu sebelum pandemik melanda.

"Cukuplah untuk dikatakan negara ini tidak bergerak pantas seperti sewajarnya dalam aspek automasi pekerjaan atau tugas secara besar-besaran seperti yang sering kita bincangkan.

"Bagi kita, sektor seperti pengilangan dan pertanian akan terus bergantung kepada tenaga kerja, terutama dalam kalangan pekerja asing," katanya.

Tengku Zafrul berkata, keusahawanan bersifat merosakkan yang memanipulasi dasar awam juga perlu dihapuskan, manakala dinamisme melalui keusahawanan produktif dalam pasaran persendirian pula harus digalakkan.

"Ahli ekonomi, akademik ada peranan sama perlu dimainkan kerana manipulasi dasar awam ini didorong insentif dan sebahagian insentif ini pula ada dalam reka bentuk pasaran.

"Perniagaan dan korporat juga ada tanggungjawab dengan menyokong dasar ekonomi awam yang baik berbanding langkah khas bermatlamat kepentingan individu.

"Bagi saya, pasaran dan persaingan dengan fokus pengguna yang mantap dan disokong oleh peraturan sewajarnya akan tetap menjadi penyelesaian kukuh terhadap monopoli pengeluar yang kurang persaingan," katanya.

BERNAMA



Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz



Sektor perniagaan dan korporat perlu menyokong dasar awam memacu semula ekonomi negara.

(Foto hiasan)